

07/03/1999

Pembangunan Labuan mesti dipercepat

LABUAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu usaha menjadikan Labuan sebagai pulau taman tercantik di dunia dipercepatkan bagi menarik lebih ramai pelancong selain menggerakkan kegiatan ekonomi sampingan.

Menurut Perdana Menteri, sehingga kini sudah banyak usaha dilakukan oleh pihak berkuasa di sini termasuk mengindahkan jalan dengan tanaman pokok serta bunga-bunga.

Beliau berkata sejak mencadangkan supaya Labuan dijadikan pulau taman tercantik ketika lawatan terakhirnya tahun lalu, sudah banyak kemajuan dicapai.

Katanya, keadaan pantai Labuan kini sudah bersih dan cantik, manakala orang mula datang berkelah.

"Saya yakin pelancong tak lama lagi akan datang. Tapi saya berpendapat kita perlu percepatkan proses ini dan kita tumpukan keutamaan kepada jalan mana yang perlu didahulukan.

"Saya yakin tak lama lagi Labuan akan berubah wajah dan saya akan mengikuti perkembangan serta melawat ke sini untuk melihat kemajuannya," katanya dalam sidang akhbar di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, petang semalam.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali singgah di sini dari Kota Kinabalu pagi semalam.

Perdana Menteri meninjau beberapa projek pembangunan, termasuk terminal baru Lapangan Terbang Labuan, Taman Burung Eksotika, Tapak Rekreasi Pohon Batu, Taman Rekreasi dan Lanskap Pantai Pancur Hitam dan projek pembangunan di Jalan Tanjung Purun.

Terdahulu ketibaannya dari Kota Kinabalu disambut oleh Pengarah Pentadbiran Labuan, Muhamad Mohd Noor dan Ahli Parlimen Labuan, Datuk Abdol Mulok Awang Damit.

Menurut Dr Mahathir, untuk menjadikan Labuan pulau tercantik di dunia, beberapa kemudahan perlu disediakan bagi kemudahan pelancong, antaranya laluan berbasikal.

"Selain itu, kita nak elokkan tempat tadahan air, kawasan bukit-bukau disediakan trek berlari dan taman burung mesti dikemaskan. Demikian juga untuk orang naik kuda, saya dapati pantai di sebelah barat cukup panjang dan amat menarik untuk orang yang gemar sukan berkuda," katanya.

Beliau berkata insentif memajukan industri pelancongan memang sudah ada, manakala bagi masalah penerbangan, kerajaan sebenarnya membenarkan penerbangan sewa secara terus ke pulau ini.

(END)